



SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 3/2024

Pengarah/ Ketua
Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

SEMAKAN SEMULA KADAR CAJ PERKHIDMATAN RAWATAN HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM)

Dengan hormatnya, izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran Kewangan Bil. 14/2022 bertarikh 30 Disember 2022 adalah berkaitan.

Untuk makluman YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Jabatan Kewangan sedang dalam proses membuat semakan keseluruhan kadar caj perkhidmatan rawatan di HCTM yang dikemaskini kali terakhir pada 2015. Sehubungan dengan itu, sukacita YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan membuat semakan di peringkat jabatan dan mengemukakan cadangan pindaan tersebut kepada Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan sebelum atau pada 15 Mac 2024 (Jumaat) melalui emel hasiljkew@ppukm.ukm.edu.my.

Semua cadangan pindaan ini akan dibincangkan dan dimuktamadkan dalam bengkel bersama Pengarah HCTM pada April 2024. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau maklumbalas YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan En. Norli @ Ahmad Jusoh (5228), Cik Norhaslina Mokhtar (5234) atau urusetia (5232).

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan di dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Yang benar,

WAN OMI BINTI HJ WAN YUSSOP C.A.(M)

Ketua
Jabatan Kewangan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

s.k - YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman Bin Jarmin
Pengarah HCTM



**BAHAGIAN HASIL, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Tingkat Bawah, Lobi Utama, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 5230, 5232, 7969, 7972, 4923 (Pejabat Am), E-mel: hasiljkew@ppukm.ukm.edu.my Web: www.hctm.ukm.my